

PENERAPAN *FIQH WAQI'I* DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Inclusion of Fiqh Waqi'i in Teaching Islamic Education

Farah Farhana Rosli

Universiti Malaya

farahfarhanarosli@siswa.um.edu.my

Mohd Anuar Ramli (PhD)

Universiti Malaya

mohdanuar@um.edu.my

Zetty Nurzuliana Rashed (PhD)

Kolej Universiti Islam Selangor

zetty@kuis.edu.my

Firdaus Abdul Fatah

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

firdaus@ipgkik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka pengajaran pensyarah dalam menerapkan elemen fiqh waqi'i di dalam Pendidikan Islam. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes yang berbantuan teknik pengumpulan data iaitu temu bual dan pemerhatian pengajaran. Peserta yang terlibat dalam kajian ini adalah pensyarah yang mengajar subjek Pendidikan Islam. Objektif kajian ialah untuk melihat penerapan elemen fiqh waqi'i dalam mata pelajaran Pendidikan Islam oleh pensyarah yang mengajar; di samping mengetahui kelebihan fiqh waqi'i dalam mata pelajaran tersebut. Dapatan yang diperoleh mendapati pensyarah sememangnya menerapkan elemen fiqh waqi'i dalam pengajaran Pendidikan Islam berdasarkan perancangan rapi yang dibuat dan diolah dengan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta refleksi penilaian bagi setiap topik yang diajar. Di samping itu, pensyarah turut mengambil inisiatif bagi menambahbaik proses penerapan fiqh waqi'i melalui khidmat konsultansi kepada pelajar. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati integrasi kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh pensyarah dengan berbantuan pengetahuan kandungan dalam Pendidikan Islam memantapkan lagi kefahaman pelajar tentang isu fiqh semasa yang berlaku. Penerangan pensyarah yang jelas, tersusun, dan terperinci turut meningkatkan kefahaman pelajar dalam sesuatu perkara. Selain itu juga, penggunaan istilah dan laras bahasa yang mudah juga ternyata menarik minat pelajar untuk mendalami dan mengetahui tentang isu semasa dari persektif syarak. Usaha pensyarah yang berterusan, komited, dan dedikasi jelas mempamerkan kreativiti pensyarah dalam melaksanakan pengajaran Pendidikan Islam.

Kata kunci: *fiqh waqi'i*, pengajaran, Pendidikan Islam

ABSTRACT

The aim of this study is to explore lecturers applying the elements of fiqh waqi'i in Islamic Education when teaching. This study uses qualitative design with case study approach. Data was collected using interviews and observations. Participants involved in this study were several lecturers who teach the subject of Islamic Education. The research objectives are to observe the application of fiqh waqi'i elements in Islamic Education subjects by the educators; as well as to identify the advantages of inclusion of fiqh waqi'i when teaching the subjects. The findings obtained revealed lecturers adopting elements of fiqh waqi'i in teaching Islamic Education based on intensive planning and careful implementation of teaching and learning activities as well as reflective evaluation for each topic taught. Lecturers also seem to take the initiatives to improve this fiqh waqi'i application process through consultation with students. Therefore, this study found the integration of methods and approaches to teaching and learning used by the lecturers with the aid of knowledge content in Islamic Education strengthens students' understanding of current fiqh. The explanation from lecturers are clear, structured and also increases the understanding and knowledge of the matter. In addition, the use of simple terminology also appears to attract students to pursue and learn about current issues from the perspective of Islamic law. The lecturers continuous efforts commitment, and dedication clearly exhibits creativity among lecturers teaching Islamic Education.

Keywords: *fiqh waqi'i*, teaching, Islamic Education